

Headline	FGV jalin kerjasama dengan FRIM pulihara Rafflesia		
MediaTitle	Kosmo		
Date	21 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	197,202
Page No	52	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	227 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,914
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,741



## FGV jalin kerjasama dengan FRIM pulihara Rafflesia

**KUALA LUMPUR** - Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mengumumkan kerjasama untuk meneruskan usaha pemuliharaan spesies bunga terbesar dunia menerusi penyediaan Pusat Pemuliharaan dan Interpretatif Rafflesia (PPIR).

Dilihat sebagai yang pertama seumpamanya di Semenanjung Malaysia, PPIR akan dibina di Gerik, Perak di tanah seluas 223 hektar yang disumbang oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda).

Pembinaan pusat berkenaan adalah untuk kerja-kerja penyelidikan dan pemuliharaan spesies Rafflesia.

ia dijangka siap pada tahun 2018. Pengarah Besar FRIM, Datuk Dr. Abd



ABD LATIF (tengah) menyempurnakan majlis pecah tanah pembinaan PPIR di Gerik, Perak baru-baru ini.

Latif Mohmod berkata, Rafflesia merupakan ikon bagi Gerik.

"Tambahan pula, daerah ini merupakan tapak di tempat asalnya rangkaian spesies germplasma terancam yang paling

sesuai untuk tumbuhan ini di Malaysia.

"FRIM akan menjalankan aktiviti penanaman semula hutan untuk meningkatkan kekayaan biodiversiti di kawasan ini," katanya dalam satu kenyataan akhbar

sempena majlis pecah tanah PPIR di sini baru-baru ini.

Projek PPIR merupakan kegiatan kerjasama pertama antara sektor swasta dan agensi kerajaan di Semenanjung Malaysia yang membabitkan penyelidikan serta pemuliharaan Rafflesia.

Malah, kerjasama itu bertujuan menjadikan pusat berkenaan sebagai pusat sehati bagi penyelidikan, pendidikan dan pemuliharaan spesies Rafflesia yang terancam khususnya R.azlanii, R.cantleyi dan R.kerrii.

Sementara itu, Pengarah Besar Felda, Datuk Hanapi Suhada berkata, bunga gergasi berkenaan merupakan spesies dilindungi di negara ini dan hanya terdapat di Asia Tenggara.

Menurut beliau, Malaysia menjadi habitat kepada lapan daripada 20 spesies yang wujud ketika ini.